



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Pesara rugi RM47,600 diperdaya Macau Scam  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 14 May 2019

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 23

## Pesara rugi RM47,600 diperdaya Macau Scam

**TEMERLOH** - Seorang pesara kerugian RM47,600 akibat ditipu sindiket Macau Scam

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa berusia 61 tahun itu menerima panggilan telefon daripada seorang individu mendakwa dari syarikat telekomunikasi mengata-

kan talian telefon miliknya didaftarkan untuk perjudian haram.

“Mangsa didakwa terlibat dalam kes pengubahan haram dan perlu memindahkan wang simpanan ke akaun sementara kerana akaun bank miliknya akan dibekukan.

“Mangsa telah membuat pemindahan ke tiga akaun menerusi

11 transaksi yang kesemuanya berjumlah RM47,600,” katanya semalam.

Beliau berkata, selepas pemindahan wang dilakukan individu yang mengaku pegawai polis memberi jaminan kes akan diselesaikan.

“Selepas pemindahan selesai, mangsa sedar telah ditipu dan membuat laporan polis,” katanya.